

SINAR 20 JAN 2012 MS/10

Bidang kuasa sivil syariah diperluas

PUTRAJAYA - Bermula 1 Januari lalu, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) memperluaskan bidang kuasa sivil dan syariahnya, berikutan permintaan tinggi selain memenuhi fungsi JBG dalam memberi bantuan kepada mereka kurang berkemampuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz berkata, peluasan bidang kuasa syariah bagi JBG meliputi prosiding berhubung ganti rugi pertunangan, hutang perkahwinan dan mutaah.

"Ia juga meliputi prosiding berhubung alang semasa hidup (hibah) dan wasiat yang juga kes berkaitan kes kekeluargaan," katanya selepas



NAZRI

menghadiri perhimpunan bulanan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, semalam.

Nazri berkata, peluasan bidang kuasa sivil di Sabah

dan Sarawak pula berhubung permohonan nafkah, pengangkatan (anak) dan pentadbiran harta pusaka, selama ini hanya terdapat di

Semenanjung sahaja.

Bagaimanapun, peluasan bidang kuasa itu mengambil kira kemampuan sumber manusia JBG pada masa ini, bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang tinggi dapat dikekalkan.

Sementara itu, Nazri berkata, sehingga Disember tahun lalu, Jabatan Insolvency menerima 19,167 kes kebangkrutan baru iaitu peningkatan 5.78 peratus berbanding 18,119 tahun sebelumnya.

"Jumlah penyelesaian kes kebangkrutan juga menunjukkan peningkatan 67 peratus iaitu 10,680 bankrap dapat dikeluarkan berbanding 6,396 kes pada 2010," katanya. - Bernama

//